

Nilai etika prasyarat wawasan

B.H. 24 AUG 1993

KUALA LUMPUR, Isnin — Nilai moral, etika dan kasih sayang diterapkan sebagai prasyarat Wawasan 2020 kerana ia menjadi landasan utama pembentukan negara maju, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurut Perdana Menteri, nilai-nilai itu akan membentuk masyarakat Malaysia yang seimbang selain membawa kepada pembangunan dan kemajuan tanpa sebarang kerugian atau pengabaian daripada aspek sosial.

"Nilai moral dan etika umpamanya memberi landasan rohaniyah kukuh dalam usaha kita memburu kemajuan.

"Ia akan membentuk masyarakat yang ada kesedaran sosial dengan ke-

fahaman yang jelas mengenai kebaikan dan pentingnya sikap liberal, toleran dan keadilan sosial dalam masyarakat majmuk," katanya ketika merasmikan Taman Wawasan Public Bank, di sini petang ini.

Di majlis itu, Dr Mahathir turut meletakkan 'kapsul masa' yang mengandungi amanatnya, laporan tahunan Public Bank, gambar foto serta catatan kejayaan bank. Kapsul itu akan dibuka pada jam 12 tengah hari, Isnin pertama Ogos 2020.

Presiden Persatuan Pandu Puteri Malaysia, Datuk Seri Datin Paduka Dr Siti Hasmah Mohd Ali pula menerima sumbangan RM20,000 daripada Public Bank untuk persa-

luan itu.

Taman Wawasan Public Bank itu dibina di kawasan awam di persimpangan Jalan Sultan Sulaiman-Jalan Sultan Muhammad. Lanskap taman itu mengekalkan ciri semula jadi dan direka khas oleh syarikat arkitek lanskap tempatan iaitu Malik, Lip & Associates.

Turut hadir Pengerusi Public Bank Berhad, Tan Sri Thong Yaw Hong.

Dr Mahathir berkata, sebagai negara yang komited untuk menjayakan matlamat menjadi maju menjelang tahun 2020, Malaysia perlu mengkaji dan meneliti pengalaman negara Barat.

Ini, katanya, perlu bagi mengelak negara menghadapi masalah sosial

pada masa akan datang.

Menurutnya, negara Barat yang menumpukan perhatian sepenuhnya kepada kebendaan, keuntungan serta mengetepikan nilai lain, kini mengalami banyak masalah sosial manakala warga kotanya tidak lagi mempunyai 'civic pride', lantas mengotorkan keadaan di sekeliling.

"Tidak ada siapa (di Barat) yang sanggup mencantikkan bandar dengan apa-apa hiasan kerana segala hiasan tidak dihargai oleh warga kota dan akan diconteng serta dirosakkan.

"Akhirnya bandar menjadi muram dan suasana ini menjadikan kehidupan warga kota lebih tidak selesa," katanya.